

## **BAB LIMA**

### **PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **5.0 Pendahuluan**

Bab ini akan membincangkan dan merumuskan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji sebelum ini. Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh daripada hasil kajian beberapa cadangan dan saranan kepada pihak-pihak berkenaan turut dinyatakan bertujuan untuk meningkatkan lagi penguasaan bahasa Arab khususnya dalam kemahiran menulis. Di samping itu juga, pengkaji juga menyarankan beberapa cadangan kajian lanjut yang boleh dilaksanakan oleh pengkaji lain pada masa akan datang.

#### **5.1 Perbincangan Analisis dan Dapatan Kajian**

Bahagian ini pengkaji akan membincangkan tahap sebenar penguasaan kemahiran menulis murid-murid, masalah ketika menulis dan peranan guru dalam meningkatkan penguasaan atau keupayaan murid-murid dalam kemahiran menulis.

##### **5.1.1 Tahap Sebenar Kemahiran Menulis Bahasa Arab**

Bagi menilai penguasaan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah kebangsaan melalui program j-QAF telah diukur dengan mentadbir satu set ujian kemahiran menulis berdasarkan objektif yang telah ditetapkan oleh pihak JAPIM Kementerian Pelajaran Malaysia. Purata nilai peratusan yang diperoleh adalah hasil daripada cantuman skor jawapan bagi 14 soalan ujian yang telah dijalankan adalah merupakan status sebenar tahap pencapaian mereka.

Berdasarkan kepada pencapaian keseluruhan tersebut, didapati murid-murid tahun enam Sekolah Kebangsaan Taman Klang Jaya, Klang Selangor tahun 2010 menunjukkan majoriti pencapaian adalah baik. Tiada langsung murid-murid yang mendapat gred markah E iaitu gagal dalam ujian kemahiran menulis tersebut. Pengukuran pencapaian murid ini berdasarkan skala gred pemarkahan UPSR. 43% atau 35 orang murid telah mendapat gred markah B iaitu baik dan 15% atau 12 orang murid mendapat gred markah A iaitu cemerlang.

Jika dinilai berdasarkan pencapaian keseluruhan markah murid didapati ia di peringkat yang baik dengan nilai min 63.6. Walaupun begitu, jika dilihat secara mendalam terhadap penguasaan objektif kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan murid-murid didapati wujud beberapa masalah pada objektif tersebut. Justeru itu, bagi melihat dengan lebih jelas lagi, akan dihuraikan analisis penguasaan murid-murid menjawab kesemua sub-soalan berdasarkan kepada ujian dalam objektif kemahiran menulis bahasa Arab tahun enam melalui program j-QAF. Berikut adalah jadual menunjukkan penguasaan murid-murid dalam kemahiran menulis:

Jadual 5.1 : Pencapaian Penguasaan Murid-murid Dalam Kesemua Soalan

Objektif Kemahiran Menulis	Soalan	Kekerapan dan Peratusan Pencapaian Murid Menjawab Kesemua Soalan (%)
1. Menulis huruf dan perkataan dengan betul	1	66 (83%)
	2	39 (49%)
2. Menulis perkataan berdasarkan kaedah tatabahasa yang betul dan memahaminya	3	10 (13%)
	4	9 (11%)
	5	0 (0%)
3. Menulis susunan serta mengulanginya	6	26 (33%)
4. Membina ayat berdasarkan kaedah yang betul dan memahaminya	7	6 (8%)
5. Membina ayat kerjaan dan namaan serta mampu membezakannya	8	37 (46%)
	9	7 (9%)
6. Menulis perkataan perkataan dan ayat serta mampu memastikannya betul atau salah	10	7 (9%)
	11	12 (15%)
	12	4 (5%)
7. Menggunakan perkataan dan ayat yang telah dipelajari dan membina ayat berdasarkan situasi tertentu	13	6 (7%)
	14	1 (1%)

Berdasarkan kepada jadual tersebut, pengkaji mendapati beberapa objektif kemahiran menulis bahasa Arab tahun enam bermasalah dari aspek penguasaan dalam kalangan murid. Permasalahan ini dapat dikenal pasti berdasarkan skala gred pemarkahan UPSR iaitu pencapaian 0%-19% adalah bergred E iaitu tidak lulus. Lima dari tujuh objektif kemahiran menulis bahasa Arab tahun enam dikenal pasti bermasalah dalam kalangan murid-murid iaitu:

Pertama: Jika dilihat pada jadual di atas, objektif menulis perkataan berdasarkan kaedah tatabahasa yang betul dan memahaminya agak bermasalah dengan hanya 13% pada ujian pertama, 11% ujian kedua, dan 0% ujian ketiga boleh menjawab kesemua soalan dengan betul. Nilai terendah pada ketiga-tiga ujian ini adalah ujian ketiga. Ujian ketiga tersebut adalah soalan berbentuk menukar pola kata kerja. Tiada seorang pun dari keseluruhan responden dapat menjawab betul bagi kesemua ujian soalan yang telah diberikan.

Kedua: Pengkaji mendapati murid-murid bermasalah pada objektif ke empat iaitu membina ayat berdasarkan kaedah tatabahasa yang betul dan memahaminya. Hanya 8% atau 6 orang murid dari jumlah keseluruhan murid dapat menjawab kesemua soalan dengan betul. Murid-murid dikehendaki menyusun perkataan yang telah diberikan bagi membentuk satu ayat yang difahami. Berdasarkan ujian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati murid-murid tidak dapat menyusun perkataan-perkataan ini bagi membentuk ayat yang betul. Situasi ini kerana murid-murid keliru manakah perkataan yang perlu didahulukan atau dikemudiankan mengikut struktur ayat bahasa Arab. Selain daripada itu, murid-murid juga tidak menguasai kosa kata dengan baik.

Ketiga: Murid-murid agak bermasalah pada ujian kedua bagi objektif membina ayat kerjaan dan namaan serta mampu membezakan antara keduanya. Ujian kedua dari objektif ini menghendaki murid-murid supaya menyatakan ayat yang sesuai terhadap struktur-struktur yang telah diberikan. Hanya 9% atau 7 orang sahaja murid-murid mampu memberi jawapan yang betul terhadap 3 struktur ayat namaan dan 3 struktur ayat kerjaan. Pengkaji mendapati masalah utama dalam menguasai ujian objektif ini adalah murid-murid gagal memberi jawapan iaitu ayat berdasarkan struktur berikut:

- i. Kata nama + kata kerja + kata nama
- ii. Kata nama + kata kerja + huruf + kata nama
- iii. Kata kerja + kata nama + kata nama
- iv. Kata kerja + kata nama + huruf + kata nama

Kesimpulannya, guru-guru harus memberi penekanan yang lebih serius dalam pengajaran bagi tajuk ini .

Keempat: Seterusnya masalah yang dihadapi oleh murid-murid berdasarkan objektif yang digariskan adalah menulis perkataan dan ayat serta mampu memastikannya betul atau salah. Berdasarkan set ujian soalan kemahiran menulis bahasa Arab, tiga ujian telah diberikan kepada murid-murid bagi melihat penguasaan murid terhadap objektif ini. Murid-murid yang dapat menjawab kesemua jawapan pada ujian pertama adalah 9% atau 7 orang. Berdasarkan kepada analisis kesilapan pada bab 4, kebanyakan murid tidak dapat menjawab soalan bahagian ini disebabkan mereka tidak membezakan antara kata kerja (الفعل) , kata nama (الاسم) dan huruf (الحرف). Disebabkan situasi ini, murid-murid tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik.

Seterusnya pada ujian kedua bagi objektif ini adalah dengan menghendaki murid-murid menentukan sama ada benar atau salah bagi ejaan perkataan yang telah diberikan. Hanya 15% atau 12 orang sahaja dapat menjawab kesemua soalan dengan betul. Pengkaji mendapati faktor utama murid tidak dapat menguasai ujian soalan bahagian ini adalah disebabkan kurang penguasaan kosa kata dalam kalangan murid. Manakala bagi ujian ketiga untuk kategori objektif ini adalah dengan membetulkan perkataan salah ejaan dalam ayat yang telah diberikan. Hanya 5% sahaja iaitu 4 orang dapat menjawab ketiga-tiga soalan ujian ini dengan betul. Kelemahan murid terhadap ujian bahagian ini juga didapati disebabkan oleh lemah penguasaan kosa kata. Hal ini

telah menyebabkan murid menggunakan item leksikal bahasa Melayu sebagai gantian jawapan yang mereka tidak ketahui.

Kelima: Seterusnya adalah berkaitan dengan objektif kemahiran menulis bahasa Arab tahun enam yang terakhir iaitu kemampuan murid-murid menggunakan perkataan dan ayat yang telah dipelajari serta mampu membina ayat berdasarkan situasi tertentu. Ujian pertama objektif ini ialah dengan meminta murid-murid membina ayat berdasarkan gambar yang telah diberikan. Hanya 7% iaitu 6 orang sahaja responden dapat membina ayat berdasarkan kesemua gambar yang diberikan. Manakala bagi ujian kedua adalah membina perbualan (حوار) harian dengan cara melengkapkan perbualan yang telah diberikan. Didapati hanya 1% iaitu 1 orang sahaja murid dapat menjawab kesemua soalan ini. Pada hemat pengkaji, masalah ini disebabkan oleh kurang praktikal penggunaan ayat-ayat dalam komunikasi atau pembelajaran antara guru dan murid-murid. Situasi ini dapat dilihat berdasarkan analisis kesilapan di bab 4, murid-murid kebanyakannya mengalih kod iaitu dengan cara memberi jawapan di dalam bahasa Melayu bukan dalam bahasa Arab.

Berdasarkan kepada huraian tersebut, pihak-pihak yang berkaitan harus memberi penekanan yang lebih serius terhadap isu-isu yang telah dibincangkan.

### **5.1.2 Permasalahan dalam Penguasaan Kemahiran Menulis Bahasa Arab**

Perbincangan berkenaan permasalahan yang berkaitan dengan penguasaan bahasa Arab khususnya kemahiran menulis adalah berkait rapat dengan murid-murid dan juga guru yang mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran tersebut. Pengkaji mendapati beberapa masalah telah wujud menyebabkan gangguan terhadap hasrat murni KPM di dalam matlamat dan objektif penguasaan kemahiran menulis dalam kalangan murid-murid melalui program j-QAF.

Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati masalah utama murid-murid dalam menguasai bahasa Arab dengan baik adalah disebabkan oleh masalah pada murid itu sendiri. Kajian Kamarulzaman dan Nik Rahimi (2001) turut menegaskan perkara yang sama. Manakala murid-murid yang didapati kurang berminat dan bermotivasi dalam pembelajaran bahasa Arab adalah lemah dalam penguasaan kemahiran ini. Situasi ini ditegaskan oleh guru yang terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab mengatakan bahawa murid-murid seperti ini sering tidak membawa buku teks, latihan dan sebagainya ketika sesi pembelajaran. Pelbagai masalah sampingan akan wujud sekiranya keadaan ini tidak ditangani dengan sewajarnya. Bertepatan dengan Smith C.B dan Sensenbaugh R. (1992), sikap negatif seperti kurang minat akan mempengaruhi murid dalam pembelajaran bahasa. Oleh itu, minat merupakan satu faktor yang menggalakkan murid-murid dalam pembelajaran bahasa. Justeru itu, pengkaji merasakan pihak-pihak yang berkaitan seperti ibu bapa dan sekolah seharusnya memainkan peranan yang penting dalam menanam minat dan motivasi yang tinggi dalam kalangan murid-murid.

Seterusnya perbincangan akan tertumpu pada permasalahan yang terlibat dalam penguasaan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan murid-murid. Berikut adalah masalah-masalah utama yang dihadapi oleh murid-murid dalam menguasai kemahiran menulis bahasa Arab.

- a) Kebanyakan murid beranggapan bahawa kemahiran menulis adalah sesuatu yang sangat sukar berbanding dengan kemahiran yang lain.
- b) Lemah dalam penguasaan kosa kata bahasa Arab. Situasi ini menyebabkan murid-murid tidak mampu menulis sesuatu ayat dengan baik. Rentetan dari situasi tersebut, banyak murid telah menggunakan item leksikal bahasa Melayu dan Inggeris dalam ujian kemahiran

menulis mereka. Faktor ini juga turut dikenal pasti dalam kajian oleh Mohamad Azrien Mohamad Adnan dan Zamri Ghazali (2008).

- c) Sering melakukan kesilapan ortografi atau ejaan. Kajian Mohamad Azrien Mohamad Adnan dan Zamri Ghazali (2008) dan Normazidah Mahmood (2002) turut mengenal pasti kesalasan ini sering dilakukan oleh murid atau pelajar. Situasi ini dapat dilihat pada bahagian analisis kesilapan yang telah dijalankan oleh pengkaji. Pelbagai jenis kesilapan ortografi atau ejaan yang telah dijalankan sama ada dari segi penulisan hamzah, menyambung huruf membentuk perkataan dan sebagainya.
- d) Lemah dalam menukar pola kata kerja sama ada kata kerja kala lampau , kata kerja kala kini, dan juga kata kerja imperatif. Masalah ini merupakan masalah utama dalam kalangan murid-murid dalam menentukan bentuk sebenar dalam penukaran pola kata kerja ini. Rentetan dari situasi ini juga menyebabkan murid-murid gagal menulis dengan betul dari aspek ejaan atau ortografi.
- e) Lemah dalam penggunaan kata ganti nama diri. Murid-murid lemah dalam menentukan kata ganti nama feminin dan juga maskulin. Selain itu, murid-murid juga lemah dalam menukar perkataan kata ganti nama maskulin ke feminin dan juga sebaliknya. Pelbagai contoh dapat dilihat pada bahagian analisis kesilapan di bab keempat.

Selain daripada perbincangan masalah yang dihadapi sendiri oleh murid-murid, pengkaji juga mendapati masalah yang dihadapi oleh guru-guru juga mendorong kegagalan murid-murid menguasai bahasa Arab khususnya kemahiran menulis. Kajian Zainol Abidin Ahmad (2003) turut menyatakan guru juga merupakan antara faktor utama sebagai pemangkin kejayaan murid



dalam penguasaan bahasa Arab khususnya kemahiran menulis. Berikut antara masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru bahasa Arab j-QAF:

- a) Bebanan tugas yang banyak di sekolah. Ini menyebabkan tumpuan masa guru terhadap murid-murid terganggu.
- b) Guru-guru sukar untuk berinteraksi dengan menggunakan bahasa Arab sepenuhnya. Hal ini disebabkan kesukaran bagi pihak murid-murid untuk memahaminya. Ini menyebabkan komunikasi tersebut gagal.
- c) Suasana pembelajaran yang tidak kondusif. Perkara ini merangkumi kemudahan peralatan bilik darjah yang tidak menyeluruh.
- d) Kurang sokongan dari pihak ibu bapa dalam menjamin kejayaan murid-murid. Kebanyakan ibu bapa menyerah 100% tanggungjawab mendidik anak mereka terhadap pihak sekolah. Secara logiknya, guru-guru tidak mampu disebabkan bilangan murid yang begitu ramai dalam sesuatu masa.

### **5.1.3 Faktor-faktor Kesukaran dalam Penguasaan Kemahiran Menulis Bahasa Arab**

Seterusnya perbincangan tertumpu kepada faktor-faktor kesukaran murid-murid dalam penguasaan kemahiran menulis bahasa Arab. Secara umumnya beberapa faktor dapat dikenal pasti berdasarkan kajian yang telah dijalankan. Berikut adalah faktor-faktor kesukaran terbut:

- a) Sikap malas dalam menghafal kosa kata bahasa Arab. Ini menyebabkan tidak mampu untuk menulis dengan baik.
- b) Sikap ambil mudah dan sambil lewa terhadap mata pelajaran bahasa Arab khususnya tajuk-tajuk berkaitan dengan kemahiran menulis. Murid-murid ambil

mudah mata pelajaran bahasa Arab kerana mereka beranggapan ianya tidak penting dan tidak dinilai di dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).

- c) Guru tidak mempraktikkan komunikasi dalam bahasa Arab ketika bersama murid-murid. Hal ini penting bagi menjamin kosa kata, ayat mahupun ta'bir dapat di ingat oleh murid-murid.
- d) Masa pengajaran dan pembelajaran yang sangat terhad untuk menghabiskan sukatan pelajaran dalam sesuatu masa.
- e) Tiada pendedahan di peringkat awal kanak-kanak seperti di tabika, taska dan sebagainya dalam kemahiran menulis jawi atau bahasa Arab. Hal ini menyebabkan kesukaran yang ketara ketika pertama kali berhadapan dengan penulisan bukan rumi iaitu jawi atau Arab. Perkara-perkara seperti ini yang menjadikan motivasi murid-murid untuk malas dan terus ambil mudah dalam kemahiran menulis bahasa Arab.

#### **5.1.4 Peranan Guru dalam P&P Kemahiran Menulis Bahasa Arab**

Seterusnya perbincangan adalah berkaitan dengan peranan guru-guru yang terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam meningkatkan penguasaan bahasa Arab khususnya kemahiran menulis. Justeru itu, perbincangan pada bahagian ini tertumpu kepada perkara berikut:

- i. Amalan P&P Guru dalam Kemahiran Menulis Bahasa Arab
- ii. Usaha Guru dalam Pengajaran Kemahiran Menulis Bahasa Arab

##### **5.1.4.1 Amalan P&P Guru dalam Kemahiran Menulis Bahasa Arab**

Secara umumnya, guru-guru sangat bersikap positif dan amat memotivasikan murid-murid dalam pembelajaran bahasa Arab. Guru merupakan salah satu daripada

faktor utama yang mempengaruhi kebolehan murid-murid menguasai sesuatu bahasa asing. Kajian Hasan Basri A.M Dahan turut menyatakan strategi pengajaran atau pendekatan guru memberi kesan terhadap penguasaan murid-murid. Berikut adalah antara amalan P&P guru dalam bahasa Arab khususnya kemahiran menulis.

- a) Guru terus mencuba untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab walaupun tidak sepenuhnya 100%. Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, ada guru menggunakan 70% komunikasi berbahasa Arab dalam kelas dan ada menggunakan 50% bahasa Arab dan Melayu dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Menurut Zawawi Ismail (2001) dalam Norazman Mohd Noordin (2006) menyarankan agar guru-guru bahasa kedua menggunakan bahasa tersebut dalam pertuturan dalam dan luar kelas bagi mempertingkatkan kecekapan berbahasa dan tidak hanya berpada untuk menghabiskan sukatan pelajaran.
- b) Menggalakkan murid-murid untuk menghafal kosa kata sama ada kata nama atau kerja bagi menjamin murid-murid tidak bermasalah dalam membina ayat.
- c) Guru-guru juga membuat perancangan mengajar selari dengan sukatan pelajaran dan objektif kemahiran yang dikehendaki supaya lebih teratur dan tersusun proses pengajaran dan pembelajaran tersebut.
- d) Memperbanyakkan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran seperti kad imbasan, buku latihan, gambar, cakera padat dan sebagainya.
- e) Guru-guru juga cuba untuk memberi latihan berkaitan kemahiran menulis walaupun di luar waktu sekolah sebagai kerja rumah.

#### **5.1.4.2 Usaha Guru dalam Pengajaran Kemahiran Menulis Bahasa Arab**

Selain daripada perbincangan berkaitan dengan amalan P&P guru-guru, usaha guru-guru dalam mempertingkatkan mutu sesuatu pengajaran juga harus dilihat. Berikut adalah antara usaha guru dalam meningkatkan penguasaan bahasa Arab khususnya dalam kemahiran menulis.

- i. Guru-guru sentiasa berusaha dalam memberi galakan berterusan dan rangsangan kepada murid-murid dalam pembelajaran bahasa Arab dan penulisan khususnya.
- ii. Guru-guru juga berusaha mempelbagaikan aktiviti permainan bahasa semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung agar murid-murid mudah faham dan tidak bosan.
- iii. Guru-guru juga berusaha menyediakan bahan lain selain buku teks dalam aktiviti penulisan bahasa Arab.

#### **5.2 Rumusan**

Pengkaji merumuskan beberapa perkara hasil daripada analisis dapatan kajian di bab 4. Rumusan ini bertujuan memenuhi objektif dan persoalan kajian yang dikemukakan dalam bab 1. Berikut adalah rumusan yang telah dikenal pasti oleh pengkaji:

- i. Berdasarkan kepada dapatan kajian dan juga perbincangan yang telah dinyatakan sebelum ini. Tahap penguasaan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan murid tahun enam di Sekolah Kebangsaan Taman Klang Jaya, Selangor adalah baik. Tahap penguasaan ini telah dinilai berdasarkan skema gred pemarkahan UPSR dengan majoriti mendapat gred B iaitu 60-79. Walau bagaimanapun, jika dilihat secara terperinci bagi setiap objektif kemahiran menulis bahasa Arab tahun enam melalui program j-QAF, didapati wujud

beberapa masalah dalam kalangan murid-murid seperti mana yang telah dibincangkan secara khusus di bahagian perbincangan.

- ii. Masalah-masalah dan faktor penyebab murid-murid tidak dapat menguasai bahasa Arab atau khususnya kemahiran menulis bahasa Arab dengan baik sangat berkait rapat dengan diri murid itu sendiri dan guru yang mengendalikan proses P&P di dalam kelas. Murid didapati tiada motivasi yang tinggi dan juga mempunyai sikap atau perspektif negatif terhadap bahasa Arab. Manakala guru pula menghadapi masalah tersendiri iaitu dibebani akan tugas yang banyak serta mendapat sokongan dari ibu bapa. Hal ini telah menjadi penyebab utama dalam permasalahan ini.
- iii. Jika dilihat pada hasil perbincangan sebelum ini, peranan yang dimainkan oleh guru dalam membantu murid-murid menguasai kemahiran menulis bahasa Arab adalah satu usaha murni yang harus diberi pujian. Guru-guru sentiasa terus mencuba untuk memberi P&P yang terbaik untuk murid-murid. Akan tetapi disebabkan oleh kekangan masa dan ruang, bebanan tugas dan lain-lain perkara lagi menyebabkan guru-guru tidak dapat memberi khidmat untuk memenuhi semua kehendak.
- iv. Berdasarkan kepada analisis yang telah dijalankan, kesilapan yang paling kerap dilakukan adalah lemah dalam penggunaan bentuk/pola perkataan dan ayat, pemilihan perkataan (item leksikal), ejaan (ortografi) dan sebagainya. Berdasarkan kepada kesilapan-kesilapan yang telah dikenal pasti, diharapkan pihak-pihak berkaitan dapat memberi penekanan terhadap tajuk tersebut.

Selain daripada itu, rumusan yang dikenal pasti adalah murid-murid perlu didedahkan dengan kepelbagaian bahan bantu mengajar (BBM) dan juga permainan bahasa. Sesi pembelajaran yang menggunakan kaedah seperti ini akan menjadikan

suasana dalam kelas lebih menarik minat murid-murid. Berdasarkan kepada tinjauan yang telah dijalankan, guru-guru minat menggunakan (BBM) atau permainan bahasa dalam aktiviti pengajaran mereka. Walaupun guru-guru minat menggunakan bahan seperti ini dalam P&P, tetapi kurang kepelbagaian variasi bahan ini menjadi masalah dalam kalangan guru-guru. Justeru itu, pihak-pihak yang berkaitan seperti penggubal dasar dan kurikulum, sekolah, dan sebagainya dapat memainkan peranan dalam membantu masalah ini agar proses P&P dapat dijalankan dengan baik.

### **5.3 Cadangan**

Seterusnya pengkaji berharap semua pihak perlu mengambil perhatian yang sewajarnya ke atas penguasaan bahasa Arab dalam murid-murid sekolah kebangsaan khususnya dalam kemahiran menulis. Penglibatan pelbagai pihak dalam memainkan peranan ini merupakan satu usaha yang sangat baik dalam menjamin peningkatan penguasaan kemahiran berbahasa Arab khususnya kemahiran menulis. Berikut adalah pihak-pihak yang perlu mengambil perhatian dalam memastikan pemantapan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah kebangsaan:

- i. Ibu bapa

Berdasarkan perbincangan lepas, ibu bapa didapati kurang memberi perhatian akan hal pendidikan anak-anak mereka. Kesibukan bekerja seharusnya tidak menjadi masalah utama atau penghalang dalam memberi pendidikan yang terbaik untuk anak-anak. Berdasarkan temu bual bersama guru-guru didapati bahawa ibu bapa menyerahkan sepenuhnya tugas mendidik anak mereka kepada pihak sekolah iaitu guru. Jika masalah seperti ini dapat dielakkan pastinya murid-murid akan lebih bermotivasi dalam menuntut ilmu. Dengan ini, diharapkan para ibu bapa akan memberi lebih galakan kepada anak-anak mereka

menguasai bahasa Arab dengan apa cara sekalipun seperti memberi latihan tambahan, menyediakan kelas tuisyen, dan sebagainya.

ii. Murid-murid

Dalam apa jua situasi sekalipun, murid sendiri adalah menjadi faktor utama dalam kejayaan mereka. Sikap dan tanggapan negatif perlu dielakkan dan dibuang. Mereka juga perlu tingkatkan pelbagai usaha dalam memajukan diri sendiri. Pendedahan yang lebih banyak kepada penggunaan bahasa Arab akan mempercepatkan lagi proses penguasaan bahasa tersebut.

iii. Guru

- a) Melebihkan aktiviti luar dan juga kerap dalam penggunaan (BBM) dan permainan bahasa yang lebih sesuai dan terkini. Dalam era kemajuan sains dan teknologi, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab juga perlu mengambil inisiatif memasukkan unsur-unsur penggunaan teknologi pendidikan terkini. Situasi ini bertujuan agar dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih efektif.
- b) Guru perlu mewujudkan interaksi dua hala yang positif, menunjukkan sifat penyayang dan mengambil berat terhadap semua pelajar pelbagai tahap pencapaian. Peranan guru penting dalam meningkatkan motivasi pembelajaran dan kepercayaan diri mereka terhadap penulisan bahasa Arab.

iv. Sekolah

Pihak sekolah juga perlu memainkan peranan dalam menentukan kejayaan murid. Penganjuran program atau aktiviti yang menjurus kepada peningkatan pengetahuan bahasa Arab sangat penting. Penganjuran seperti ini akan memberi

kesan yang sangat baik dalam memperkukuhkan penguasaan bahasa Arab khususnya kemahiran menulis. Program atau aktiviti yang dimaksudkan seperti Minggu Bahasa Arab, Perkhemahan Bahasa Arab, Pertandingan menulis bahasa Arab dan sebagainya yang difikirkan dapat memberikan input yang positif kepada pelajar.

v. Pihak Penggubal Kurikulum di Kementerian Pelajaran Malaysia

Bahagian Pembinaan Kurikulum (BPK) di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) merupakan bahagian yang bertanggungjawab dalam menyediakan dan menggubal sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran. Oleh itu, pengkaji mencadangkan beberapa perkara yang perlu diambil perhatian:

- a. Menyediakan guru yang mempunyai pengkhususan bahasa Arab untuk pengajaran bahasa Arab. Hal ini kerana masih ramai guru-guru bahasa Arab j-QAF bukannya pengkhususan dalam bidang bahasa Arab semasa pengajian mereka di peringkat ijazah.
- b. Sentiasa mendapatkan maklum balas daripada guru-guru bahasa Arab j-QAF sama ada buku teks atau keperluan murid-murid yang lain sesuai atau tidak dengan tahap mereka atau sebaliknya.
- c. Pihak kementerian sewajarnya mengadakan kursus pendedahan kemahiran berbahasa secara lebih kerap kerana tidak semua guru mahir dalam kemahiran berbahasa dalam mata pelajaran bahasa Arab.



#### **5.4 Cadangan Penyelidikan Akan Datang**

Beberapa cadangan dikemukakan kepada pengkaji akan datang, agar kajian yang berkaitan dengan kemahiran berbahasa khususnya kemahiran menulis akan dapat menghasilkan natijah yang terbaik. Cadangan-cadangan tersebut ialah:

- i. Kajian ini adalah berbentuk kajian kes. Bagi kajian akan datang disarankan agar melakukan kaedah eksperimental, seperti mewujudkan suasana persekitaran kearaban yang sebenar dan perkaitannya dengan penguasaan pelajar dalam kemahiran menulis bahasa Arab.
- ii. Pemilihan responden 80 orang daripada Sekolah Kebangsaan Taman Klang Jaya Selangor sebagai subjek kajian menghasilkan satu dapatan yang terhad. Justeru itu, untuk pengkaji akan datang disarankan agar bilangan sampel lebih besar dan populasi agak menyeluruh.
- iii. Menjalankan kajian penguasaan bagi kemahiran berbahasa selain kemahiran menulis di peringkat rendah iaitu sekolah kebangsaan.
- iv. Kajian tinjauan bagi melihat sejauh mana kefahaman guru bahasa Arab j-QAF terhadap kemahiran berbahasa khususnya kemahiran menulis.

#### **5.5 Penutup**

Akhirnya, penulis berharap walaupun kajian ini merupakan kajian kes iaitu hanya di sebuah sekolah, namun ianya diharapkan dapat menjelaskan kepada kita keadaan sebenar penguasaan kemahiran menulis bahasa Arab dalam kalangan murid-murid sekolah kebangsaan melalui program j-QAF. Kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat juga membantu semua pihak yang terbabit sama ada secara langsung atau sebaliknya.